

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 JANUARI 2016 (AHAD)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|------------|--|-------------------|
| 1 | 'Perluas sistem iComm ke luar bandar' | Berita Harian |
| 2 | iComm tingkat taraf hidup | Utusan Malaysia |
| 3 | Perluas iComm jamin keselamatan penduduk luar bandar | Metro Ahad |
| 4 | PM: iComm system can boost rural security | New Straits Times |
| 5 | 'Don't just memorise, be creative | Sunday Star |
| 6 | Ketulan ais tak beracun | Metro Ahad |
| 7 | Amaran angin kencang, laut bergelora sehingga rabu | Bernamea.com |

'Perluas sistem iComm ke luar bandar'

» PM mahu aspek keselamatan penduduk dipertingkatkan

Oleh Abdul Razak Raaff
dan Amin Ridzuan Ishak
bhnews@bh.com.my

► Pekan

Datuk Seri Najib Razak mahu Sistem Prasarana Komuniti Pintar (iComm) diperluaskan secara lebih menyeluruh di kawasan luar bandar bagi membantu meningkatkan aspek keselamatan penduduk.

Perdana Menteri berkata, kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) itu seperti pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) dan keupayaan pemantauan jarak jauh secara tepat banyak memberi faedah.

"Sistem iComm boleh dipasang di timur Sabah seperti kampung di Lahad Datu, Semporna dan Sandakan. Apabila ada CCTV, penduduk boleh memantau jika ada penceroboh masuk dan menahannya."

"Inilah juga pembangunan berterusan yang kerajaan laksanakan di kawasan luar bandar dan kita sesuaikan dengan kemajuan ICT supaya mereka dapat menikmati kemudahan serta persiapan menghadapi cabaran era globalisasi dan hidup dalam dunia tanpa sempadan," katanya ketika merasmikan iComm Kampung Padang Rumbia di sini, semalam.

Aplikasi iComm adalah satu daripada inisiatif di bawah program inovasi sosial Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang me-



Najib bersama pelajar cemerlang UPSR selepas Majlis Penyampaian Hadiah Kecemerlangan UPSR 2015 di Pekan, semalam.

(FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH)

rangkumi rangkaian litar tertutup, alat pemantau paras air sungai dan platform komunikasi mudah alih berasaskan internet.

Projek rintis

Kampung Padang Rumbia adalah komuniti desa pertama di Malaysia yang mendapat faedah daripada projek rintis yang juga ber-

tujuan memanfaatkan ICT untuk memperbaiki taraf sosioekonomi penduduk.

Ia sudah beroperasi sejak dua bulan lalu dan capaian internet percuma sudah dimanfaatkan lebih 1,000 penduduk kampung itu, selain dipasang 10 CCTV bagi memantau paras air sungai, persekitaran dan keselamatan.

Najib ucap selamat menyambut Thaipusam

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak mengucapkan selamat menyambut Thaipusam kepada seluruh penganut Hindu di Malaysia, hari ini.

Perdana Menteri berkata, Thaipusam disambut setiap tahun apabila masyarakat Hindu Malaysia menunaikan ikrar mereka dan masa bagi Malaysia menunjukkan kepada dunia semangat

Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan berkata, teknologi pintar itu juga membantu penduduk kampung membuat persiapan awal jika berlaku banjir menerusi pemantauan paras air Sungai Pahang, seterusnya memudahkan mereka bersedia untuk berpindah.

Terdahulu, Perdana Menteri meluangkan masa menziarah se-

tulen 1Malaysia.

"Kita mesti terus menegaskan prinsip mulia ini demi memperkukuhkan lagi perpaduan dan kesatuan nasional dengan semangat tulen 1Malaysia," kata beliau dalam perutusan sempena sambutan perayaan itu hari ini, dalam blognya www.najibrazak.com.

BERNAMA

orang penduduk, Sabri Ismail, 45, di Kampung Paya Rumpit di sini, yang lumpuh separuh badan sejak Oktober tahun lalu, selepas menjalani pembedahan akibat salur darah di kepalanya pecah di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan.

Najib yang juga Ketua UMNO Bahagian Pekan ketika itu dalam perjalanan ke Perumahan Komuniti Bersepadu Kampung Padang Rumbia untuk merasmikan Majlis Pelancaran iComm, singgah ke rumah Sabri selepas dimaklumkan mengenai keadaannya.

Beliau meluangkan masa kira-kira 15 minit untuk bertanya khabar Sabri dan menghulurkan sumbangan peribadi kepada isteri Sabri, Arinawati Mat Sen, 32.

Arinawati berkata, suaminya hanya mampu mengalirkan air mata terharu sebaik menerima lawatan mengejut Perdana Menteri dan mereka menganggap seperti mimpi apabila dapat berbual dengan pemimpin nombor satu negara itu.

Labur dalam pendidikan

Sementara itu, ketika berucap pada Majlis Penyampaian Hadiah Kecemerlangan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2015 dan bantuan persekolahan pelajar miskin Parlimen Pekan, Najib berkata, perbelanjaan bijak dalam pendidikan dapat memberi pulangan besar kepada agama, bangsa, negara dan masyarakat serta menghasilkan modal insan berfikir kreatif dan inovatif pada masa depan.

Katanya, kerajaan sentiasa menyedari kepentingan pendidikan dan sentiasa bersedia menangani cabaran perubahan akibat arus kemajuan dan pemodenan demi mencapai kecemerlangan yang diimpikan.

PM mahu ia diperluas seluruh negara

iComm tingkat taraf hidup

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH
utusan@utusan.com.my

■ PEKAN 23 JAN.

PROJEK Sistem Prasarana Komuniti Pintar (iComm) yang dilancarkan hari ini bakal diperluaskan ke seluruh negara bagi membantu meningkatkan taraf hidup dan aspek keselamatan rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam sistem itu seperti rangkaian kamera litar tertutup (CCTV) dan platform sistem komunikasi mudah alih berasaskan internet mampu mengubah corak hidup rakyat selari dengan perkembangan arus globalisasi.

Menurut beliau, projek berkenaan yang pertama seumpamanya di rantau ini mendatangkan banyak manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya termasuk dapat digunakan bagi mengawasi sempadan negara daripada sebarang ancaman pencerobohan.

"Kalau sebut tentang ancaman keselamatan, umpamanya di timur Sabah kita boleh pasang sistem ini di kampung-kampung di Lahad Datu, Semporna dan Sandakan.

"Kita dapat kesan dan pantau sebarang anasir luar yang cuba menceroboh negara ini menerusi CCTV yang dipasang," katanya ketika melancarkan sistem berkenaan di Kampung Padang Rumbia di sini hari ini.

Yang hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chini, Datuk Abu Bakar Harun; ADUN Bebar, Mohamad Fakhrudin Mohd. Ariff; Pengerusi MIMOS Berhad (MIMOS), Datuk Omar Kasih dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS, Datuk Abdul Wahab Abdullah.

iComm merupakan satu inisiatif di bawah program inovasi so-



Kita dapat kesan dan pantau sebarang anasir luar yang cuba menceroboh negara ini menerusi CCTV yang dipasang."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

sial Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang dibangunkan menerusi MIMOS untuk menaik taraf sistem komunikasi masyarakat setempat.

Kampung Padang Rumbia dipilih sebagai perintis menempatkan sistem berkenaan yang membolehkan penduduk mengecapi gaya hidup berbeza seperti menikmati capaian internet selain kawasan berkenaan dilengkapi dengan 10 CCTV dan sistem amaran bencana.

Najib berkata, ledakan ICT seiring dengan peredaran zaman turut menuntut kepada perubahan corak kualiti hidup dan pembangunan yang diperlukan rakyat walau di mana mereka berada.

Perdana Menteri menyorot zaman kepemimpinan ayahanda beliau, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein semasa menjadi Perdana Menteri kedua yang mana ketika itu kehendak pembangunan di luar bandar adalah berbeza berbanding era sekarang yang berpaksikan kepada pengetahuan ICT sebagai teras kejayaan sesebuah negara.

"Dahulu kita mahu kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air, jalan raya, balai raya dan lembu pawah. Kini masa telah berlalu, negara semakin jauh ke hadapan. Kemajuan dunia dalam bidang sains dan teknologi membuka era baharu di zaman yang dikenali sebagai era maklumat dan K-ekonomi," ujar beliau.

**KERATAN AKHBAR
METRO AHAD (SETEMPAT) : MUKA SURAT 26
TARIKH: 24 JANUARI 2016 (AHAD)**

Pekan

**Perluas iComm jamin
keselamatan penduduk luar bandar**

Sistem Prasarana Komuniti Pintar (iComm) yang berfungsi meningkatkan aspek keselamatan perlu diperluaskan secara menyeluruh kepada penduduk luar bandar bagi menjamin keselamatan mereka termasuk untuk menghadapi bencana luar jangka.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, sistem berkenaan dilengkapi dengan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) termasuk pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) dan keupayaannya dalam pantauan jarak jauh secara te-

pat membolehkan kawalan keselamatan kampung diperketatkan.

Katanya, dengan adanya sistem iComm, penduduk boleh meningkatkan kesiapsiagaan mereka untuk menghadapi sebarang kejadian jenayah dan banjir kerana ia mempunyai sistem hubungan mudah alih yang pantas antara penduduk dan pihak berkuasa.

"Projek ini perlu diperluaskan ke tempat lain, contohnya sistem iComm berkaitan keselamatan boleh dipasang di timur Sabah seperti kampung di Lahad Datu, Semporna dan San-

dakan. Apabila ada CCTV, penduduk boleh memantau jika ada penceroboh masuk dan menahan mereka.

"Inilah juga pembangunan berterusan yang kerajaan laksanakan di kawasan luar bandar dan kita disesuaikan dengan kemajuan ICT supaya mereka dapat menikmati kemudahan serta persiapan menghadapi cabaran era globalisasi dan hidup dalam dunia tanpa sempadan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran iComm Kampung Padang Rumbia, di sini, semalam.

NEWS

PM: iComm system can boost rural security

A FIRST IN REGION: The 24-hour remote monitoring security system should be expanded to eastern Sabah, says Najib

NIK IMRAN ABDULLAH
AND NOR AIN MOHAMED RADHI
PEKAN
news@nst.com.my

THE use of an online security system to monitor crimes and other emergencies should be expanded to rural areas to improve the safety of the people, Prime Minister Datuk Seri Najib Razak said.

He said the Intelligent Community (iComm) system, developed by Mimos Bhd, was one of such systems that provided a 24-hour remote monitoring of residential areas.

"Through iComm, closed-circuit television cameras (CCTVs) will be installed at strategic locations such as at residential areas, multipurpose halls, schools and clinics.

"The village or community heads can view the recordings of CCTVs using mobile phones provided to them, and they can then contact the police or other relevant agencies immediately in case of an emergency.

"The system also gives out a warning when water level of a river rises

to a certain point, giving the villagers ample time to evacuate without having to wait for the authorities," he said during the launch of iComm in Kampung Padang Rumbia here yesterday.

Najib said the system, the first of its kind in the region, should also be implemented in villages in eastern Sabah such as in Lahad Datu, Semiporna and Sandakan.

"With the real-time monitoring, people can monitor the situation in their areas and detect the presence of intruders... in such cases they can arrest them immediately or inform the police," he said.

Najib urged villagers of Kampung Padang Rumbia to take advantage of the iComm system, which also came with free Internet service.

He said the village was the first rural community in the country to benefit from the project which was aimed at improving the residents' standard of living.

Also present at the launch were Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wilfred Madius Tangau, ministry secretary-general



Datuk Seri Najib Razak listening to Hazim Zafri Ahmad Zamani, one of the pupils who excelled in the UPSR, during the prize-giving ceremony in Pekan yesterday. Bernama pic

Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur, Mimos Bhd chairman Datuk Omar Kaseh and chief executive officer Datuk Abdul Wahab Abdullah.

Meanwhile, Madius Tangau in his speech, said last year, 101 projects worth RM14 million, including iComm, were approved under the ministry's social innovation programme in rural areas.

He said for the next phase, the ministry planned to reach out to more rural areas, particularly areas which faced the risk of natural disasters.

Speaking at another function, Najib said wise and effective spending in the field of education would provide long-term benefits for the people and country.

He said any education expenditure should not be seen as an ordinary expense but as an investment in the future of the country.

"If we invest wisely and effective-

ly, the returns will be huge.

"Not just in one or two days but throughout a lifetime as the (educated) person can contribute to society and country," he said at the prize-giving ceremony for pupils who excelled in the Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) last year, at Sultan Haji Ahmad Shah Convention Hall here.

At the ceremony, 271 UPSR candidates from schools in the district received their prizes from the prime minister.

On another matter, Najib said the success of schools depended not only on the common factors, such as having dedicated teachers, quality equipment and schools, but also support from the community.

"In modern terms, support from the community eco-system is one of the important factors in determining the success of schools," he said.

Najib urged the community not to

regard schools as merely the domain of teachers and students but to have a sense of ownership and responsibility.

He said there was a need for a change in the learning system for students so that they could keep abreast of the changing times while developing their thinking skills.

"Rote learning as practised in the past can no longer determine the success of students, especially for their future," he said.

Najib said students should nurture the ability to develop creative and innovative thinking, one that could generate new ideas to face any situation.

For example, he said students now might be forced to look for jobs in areas which had yet to exist now.

"Therefore, our education system should prepare students and develop their ability to adapt to new challenges," he said.

'Don't just memorise, be creative'

PM tells students to generate new ideas to achieve outstanding results

By ONG HAN SEAN
hansean@thestar.com.my

PEKAN: Students must be able to think creatively and generate new ideas in order to compete in a changing era, says Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak.

He said just memorising would not thrust a student to excellence.

"When I was still in school, memorisation was always emphasised. But there has been a paradigm shift and a student cannot excel by just relying on rote learning today.

"What is needed is for individuals to have the capability to think in a creative and innovative manner to generate new ideas in adapting to any new environment," he said at a prize-giving ceremony for excellent UPSR students here yesterday.

He said that this was akin to finding jobs that had not existed yet.

"The ability to reinvent ourselves to suit new challenges is also a type of preparation that must be done through the education system."

Najib said that in his 40 years as Pekan MP, he had always stressed on the importance of education in his constituency.

"That is because I am aware that education is the determinant factor of a person's future, his family's



Rewarding excellence: Najib sharing a light moment with the students after they received the UPSR Anugerah Pelajar Cemerlang in Pekan Parliament. — Bernama

well-being and the excellence of his country."

Najib said there were many factors that could determine excellence in education but it could not

be denied that the ecosystem was also an important factor.

"The role that teachers play, tools for teaching and learning and the quality of a school are all important

but community support can also determine excellence in education.

"Education is the right and responsibility of the community," he said.

The ability to reinvent to suit new challenges is also a type of preparation that must be done.

Datuk Seri Najib Tun Razak

Earlier, Najib launched the **Intelligent Community (iComm)** infrastructure system in Kampung Padang Rumbia here.

The project was the first of its kind in Malaysia and could monitor the village's surroundings through the use of CCTVs as well as sense the river's rising water level for an early flood warning.

Najib said the changing times meant that rural communities should be able to enjoy ICT development and use it to improve their socio-economic standing.

He hoped the project could be expanded to other areas in the country and proposed that it be used to monitor security threats.

"I suggest that the system be installed in places like Lahad Datu, Semporna or Sandakan. Intruders can be traced via CCTV and apprehended," he added.



Ketulan ais tak beracun

■ Air hujan capai paras beku
di awan kumulunimbus

Oleh Nur Lela Zulkipli
nurlela@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Fenomena hujan batu di Shah Alam, kelmarin tidak mempunyai kaitan dengan cuaca tidak menentu yang melanda tanah air sejak akhir tahun lalu.

Pegawai Meteorologi Bahagian Khidmat Korporat dan Komersial Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Ambun Dindang berkata, keadaan itu hanya berpunca daripada air hujan yang mencapai paras beku tertinggi di awan kumulunimbus.

"Kebiasaannya awan tinggi yang bersaiz besar akan mengakibatkan air hujan yang terkandung mengalami pergolakan dengan bergerak ke atas dan ke bawah sebelum ia dilepaskan menjadi batu kecil yang sejuk.

"Apabila air hujan berkenaan dilepaskan daripada awan yang tinggi yang berada pada paras beku, suhu Celsius negatif berkenaan

akan menyebabkan air hujan menjadi ketulan ais," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Katanya, ketulan ais itu juga selamat untuk dimakan memandangkan ia berasal dari air hujan dan tanggapan ia beracun tidak benar sama sekali.

"Fenomena ini bukan perkara luar biasa dan ia boleh berlaku di mana-mana saja asalkan ada awan besar luar biasa di paras beku langit.

"Mungkin di Malaysia ia mendapat perhatian kerana jarang berlaku dan kebetulan berlaku semasa musim hujan," katanya.

Ditanya mengenai tanggapan segelintir masyarakat Malaysia akan menerima salji selepas berlaku hujan batu berkenaan, Ambun menafikan perkara itu memandangkan iklim tanah air tidak sesuai bagi cuaca sejuk berkenaan.

"Mustahil kita (Malaysia) akan mendapat salji. Iklim yang panas dan lembab tidak akan mewujudkan salji biarpun dalam tempoh yang lama," katanya.



Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora Sehingga Rabu

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora di negeri-negeri pantai timur, Sarawak dan Sabah diramalkan berterusan sehingga Rabu.

Kawasan yang terjejas ialah Kelantan, Terengganu, Pahang, timur Johor, Sarawak, Labuan dan Kudat dan pantai barat dan pedalaman Sabah, menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) dalam kenyataan Ahad.

Menurutnya angin kencang timur laut dengan kelajuan antara 50 hingga 60 kilometer sejam (kmsj) dan ombak mencapai ketinggian 4.5 meter diramal berlaku di kawasan berkenaan.

"Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri," menurut kenyataan itu.

Keadaan sama turut dijangka berlaku di perairan Phuket, Samui, Tioman, Bunguran, Condore, Reef North, Layang-Layang, Reef South, Kuching, Palawan dan Labuan.

Air pasang turut dijangka berlaku di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan timur Johor sehingga Rabu.

-- BERNAMA